



**Agensi Kelayakan Malaysia**  
Malaysian Qualifications Agency

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
(Chief Executive Officer)

**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**  
(Malaysian Qualifications Agency)

**Mercu MQA**

**No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan**

Tel: +603 8688 3611 Faks: +603 8688 3600



POLISI TIDAK MENERIMA HADIAH

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 5 ( 6 )  
Tarikh : 12 Oktober 2022

## KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

### SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 9/ 2022

#### **PENILAIAN PROGRAM YANG MENGGUNAKAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) *WORK-BASED LEARNING* (WBL) BERDASARKAN *GUIDELINES TO GOOD PRACTICES : WORK-BASED LEARNING* DAN FORMAT PENILAIAN LAPORAN WBL**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah mengeluarkan Surat Makluman MQA Bil. 3/2016 bertarikh 25 Februari 2016 yang memaklumkan tentang penerbitan 'Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Kerja (*Guidelines to Good Practices : Work-Based Learning*, GGP:WBL)' bagi menggalakkan PPT menggunakan pendekatan WBL dalam penyampaian kurikulum program pengajian.

3. Sehubungan itu, bagi membantu Ahli Panel Penilai (APP) menjalankan penilaian Akreditasi Sementara (PA) dan Akreditasi Penuh (FA) program berlandaskan GGP:WBL, MQA telah membangunkan satu **Format Laporan Penilaian PdP WBL seperti Lampiran A.**

4. APP MQA diminta untuk menggunakan format laporan penilaian bagi program yang menggunakan PdP WBL yang dinilai selepas 1 November 2022. Format laporan ini merupakan laporan tambahan kepada laporan penilaian terhadap tujuh bidang jaminan kualiti yang digariskan dalam Kod Amalan Jaminan Kualiti Akreditasi Program dan/atau Standard Program.

5. Bagi APP dalaman/luaran Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) berstatus swaakreditasi, PPT boleh menambah baik format laporan ini mengikut kesesuaian dan keperluan PPT masing-masing dengan mengekalkan elemen penilaian penting bagi setiap peringkat penilaian seperti yang dinyatakan dalam format laporan.

6. MQA berharap APP MQA dan APP PPT berstatus swaakreditasi mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya agar penilaian program PdP WBL dapat dilaksanakan dengan komprehensif dan mencakupi aspek kualiti yang sewajarnya.

7. Format laporan ini juga akan diletakkan di portal APP MQA dan portal MQA bagi memudahkan rujukan APP MQA dan PPT berstatus swaakreditasi.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha  
Pejabat Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 17, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 9, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
3. YBhg. Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w  
Persiaran Perdana, Presint 4  
**62100 W.P. PUTRAJAYA**
4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi  
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Aras 18, No. 2, Menara 2  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**
5. Sekretariat  
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaya  
Aras 9, Bangunan Canseleri  
**50603 W.P KUALA LUMPUR**
6. Sekretariat  
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Aras 6, Bangunan Canseleri  
**43600 BANGI, SELANGOR**

7. Sekretariat  
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam  
Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)  
P.O. Box 10  
**50728 KUALA LUMPUR**
8. Sekretariat  
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University,  
VCCPU)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan)  
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)  
Putrajaya Campus  
Jalan IKRAM-UNITEN  
**43000 KAJANG, SELANGOR**
9. Presiden  
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera  
Malaysia (PKIBM)  
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti  
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1  
Bandar Baru Nilai 1  
**71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN**
10. Presiden  
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)  
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)  
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia  
Bukit Jalil  
**57000 KUALA LUMPUR**
11. Presiden  
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)  
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1  
**46050 PETALING JAYA, SELANGOR**
12. Presiden  
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)  
1<sup>st</sup>-3<sup>rd</sup> Floor  
85, Jalan Gaya  
**88000 KOTA KINABALU, SABAH**
13. Presiden  
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)  
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of  
Advance Technology Sarawak  
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya  
**93350 KUCHING, SARAWAK**